

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL
RAHIM [BALING]**

TARIKH : 3 DISEMBER 2019 (SELASA)

SOALAN

**Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling] minta MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
menyatakan apakah pelan persediaan khas yang dirangka Kerajaan untuk
generasi warga emas bagi tahun 2020-2030.**

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan kepada data unjuran penduduk oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, negara kita akan mencapai status negara tua pada tahun 2030 dengan jumlah warga emas atau mereka yang berumur 60 tahun dan ke atas seramai 5.80 juta orang atau 15.3% daripada jumlah penduduk. Sebagai persediaan awal, Kerajaan telah menggubal Dasar Warga Tua sejak tahun 1995 di mana dasar tersebut telah disemak semula dan dipinda pada tahun 2011 selaras dengan perubahan demografi, keperluan semasa dan cabaran masa hadapan. Di samping itu, Dasar dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara (PTWEN) juga telah digubal dan dilaksanakan bagi tempoh sepuluh tahun iaitu dari tahun 2011 hingga tahun 2020.

Bagi memastikan kesejahteraan warga emas menjelang tahun 2030 dan tahun seterusnya, Kementerian dalam perancangan untuk menyediakan hala tuju bagi persediaan Malaysia ke arah negara tua pada 2030 dari segi penilaian semula Dasar dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara sedia ada. Pembangunan hala tuju ini amat penting dalam merangka strategi, program dan tindakan yang perlu bagi memastikan keperluan sebenar warga emas dapat dipenuhi menjelang 2030.

Pada tahun ini, KPWKM sedang melaksanakan kajian bagi meneliti pembangunan skop, kerangka dan kandungan untuk menggubal satu akta khusus bagi warga emas. Hasil utama kajian adalah penggubalan satu akta khusus bagi warga emas, yang dijangka akan dibentangkan di Parlimen pada tahun 2021, yang menumpukan kepada mempertingkatkan perlindungan dan hak asasi warga emas di Malaysia.

Kementerian juga sedang melaksanakan Kajian Diagnostik Bagi Membentuk Model Penjagaan Warga Emas Jangka Masa Panjang Yang Bersepadu dan Mapan di Malaysia yang dijangka selesai pada penghujung tahun 2020. Hasil yang dijangkakan adalah pembentukan model pembiayaan serta model penjagaan yang bersepadu serta pelan tindakan pelaksanaan penjagaan jangka masa panjang. Kajian ini akan

SOALAN NO. : 18

mengambil kira keperluan jagaan kesihatan dan sosial di institusi serta di komuniti.

Tuan Yang di-Pertua,

Saya ingin menegaskan sekali lagi bahawa isu penuaan merupakan isu sejagat yang merupakan tanggungjawab bersama semua pihak. Isu ini memerlukan komitmen dan kolaborasi sepenuhnya di peringkat Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), pihak swasta, ahli akademik, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), komuniti, keluarga dan warga emas sendiri. Kementerian akan terus komited dan mengalu-alukan kerjasama semua pihak termasuk Yang Berhormat Ahli Dewan sekalian untuk bekerjasama dengan Kementerian dan Jabatan Kebajikan Masyarakat dalam memberikan sokongan terhadap semua inisiatif yang dilaksanakan untuk golongan warga emas.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : PUAN MARIA CHIN BINTI ABDULLAH
[PETALING JAYA]**

TARIKH : 3 DISEMBER 2019 (SELASA)

SOALAN

Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan kemaskini status “National Children’s Well-Being Roadmap” dan adakah geran sokongan kanak- kanak atau elaun penjagaan kanak-kanak yang disyorkan UNICEF akan dikaji.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

STATUS “NATIONAL CHILDREN’S WELL-BEING ROADMAP”

Pada masa ini, Kementerian sedang menyemak semula Dasar Kanak-Kanak Negara, Dasar Perlindungan Kanak-Kanak dan juga elemen kanak-kanak dalam Dasar Kesihatan Reproduksi dan Sosial untuk menjadi satu dasar kanak-kanak yang lebih komprehensif. Dalam usaha ini, Peta Laluan Kesejahteraan Kanak-Kanak Kebangsaan atau *National Children Well-Being Roadmap* (NCWR) kini dicadang dimasukkan sebagai input dalam semakan semula Dasar Kanak-Kanak Negara yang baharu.

GERAN SOKONGAN KANAK- KANAK ATAU ELAUN PENJAGAAN KANAK-KANAK YANG DISYORKAN UNICEF

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan maklum akan salah satu cadangan untuk menyediakan “*Universal Child Care Allowance*” yang dikemukakan melalui kajian “*Children Without*” yang dilaksanakan oleh UNICEF pada tahun 2017. Kerajaan menyambut baik cadangan ini dan akan terus meneliti kesesuaian pelaksanaan seiring dengan program-program semasa Kerajaan.

Sebagai usaha memastikan kanak-kanak mendapat akses kepada asuhan dan jagaan yang sewajarnya, Kementerian memberi penekanan kepada penubuhan TASKA di sektor awam. Pada tahun 2019, 66 buah TASKA di tempat kerja sektor awam telah ditubuhkan, manakala pada tahun 2020 fokus penubuhan TASKA akan melibatkan TASKA di hospital dan sekolah.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG
[KOTA SAMARAHAN]**

TARIKH : 3 DISEMBER 2019 (SELASA)

SOALAN

Puan Rubiah Binti Haji Wang [Kota Samarahan] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah langkah Kerajaan Persekutuan untuk membela nasib ibu-ibu tunggal di Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) melaksanakan Program Pusat Aktiviti Cakna Bangun Ekonomi (PACBE) yang merupakan satu program yang disusun semula dengan memberi fokus kepada Pembangunan Kapasiti dan Peningkatan Kesejahteraan Wanita. Melalui penyusunan semula fokus, adalah diharapkan ia dapat memberi impak yang lebih bermakna kepada wanita termasuklah ibu tunggal terutama dalam menambah pendapatan. Pelaksanaan Program PACBE dibahagikan kepada 3 bidang utama iaitu:

- i. Bidang ***Community-Based Enterprise (CBE)*** untuk aspek peningkatan kemahiran;
- ii. Bidang **Psiko-pendidikan (substantif)** untuk aspek pembangunan pendidikan sosial; dan
- iii. Bidang **Pengupayaan (*empowerment*)** untuk aspek pembangunan keupayaan.

PACBE ini dilaksanakan oleh Pejabat Pembangunan Wanita Negeri (PPWN) di seluruh negara dengan melibatkan penyertaan wanita dan 30% ibu tunggal yang berdaftar dalam Sistem iWanita. Pada tahun 2018, sebanyak 648 PACBE telah dilaksanakan dengan penglibatan seramai 10,201 orang peserta. Sehingga 30 September 2019, sebanyak 521 PACBE dilaksanakan melibatkan seramai 9,131 orang peserta termasuk ibu tunggal.

Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) juga turut melaksanakan program MamaCare, iaitu perkhidmatan penjagaan selepas bersalin yang selamat secara tradisional dan moden termasuk ilmu keibubapaan, bertujuan membantu wanita warga emas, ibu tunggal dan wanita yang layak dari golongan isi rumah berpendapatan rendah (B40) menambah pendapatan keluarga melalui latihan kapasiti MamaCare. Dari tahun 2014 sehingga 2019, seramai 120 orang peserta dari negeri Sarawak telah dilatih dalam program Mamacare. Manakala jumlah ibu tunggal yang menyertai program Mamacare di negeri Sarawak pada tahun 2019 adalah seramai 5 orang.

Kementerian juga telah memperkenalkan Program Caruman Sukarela Insentif Suri atau i-Suri khas untuk golongan wanita termasuk ibu tunggal bagi membantu meningkatkan simpanan suri rumah di hari tua. Sehingga 15 September 2019, seramai 98,619 peserta telah memperoleh manfaat daripada program bantuan bersasar ini, iaitu mendapat insentif khas berjumlah RM40 sebulan atau RM480 setahun. Daripada jumlah tersebut seramai 16,461 wanita termasuk ibu tunggal di Sarawak telah menerima bantuan melalui insentif i-Suri ini.

Selain itu, JPW telah menjalankan pelbagai program psiko pendidikan sepanjang tahun di 15 buah negeri seluruh negara termasuklah Sarawak ke arah memberi kesedaran serta celik undang-undang dalam menangani kes berkaitan. Antara program yang dijalankan oleh JPW adalah seperti berikut :

- i. Perkhidmatan kaunseling motivasi
- ii. Klinik Guaman,
- iii. Klinik D'Stress;
- iv. Program Wanita Anti Jenayah (WAJA); dan
- v. Kempen menangani keganasan terhadap wanita sepanjang tahun

JPW juga turut melatih kumpulan wanita dalam komuniti dengan ilmu asas kaunseling yang dikenali dengan kumpulan *Lay Counselor*. Kumpulan ini merupakan sukarelawan barisan hadapan membantu komuniti yang mengalami pelbagai masalah termasuklah keganasan dalam rumah tangga.

Klinik Guaman dilaksanakan dengan membincangkan isu-isu berkaitan dan tindakan dari sudut undang-undang yang boleh diambil oleh wanita dan ibu tunggal. Program WAJA pula dilaksanakan melalui seminar dan ceramah bertujuan untuk memberi pengetahuan dan kesedaran kepada masyarakat khususnya mengenai jenayah. Manakala Kempen Menangani Keganasan Terhadap Wanita turut dilaksanakan sepanjang tahun dan secara berterusan di setiap program-program JPW. Kempen ini mengumpulkan tandatangan orang ramai sebagai tanda sokongan menolak keganasan terhadap wanita.